



**PENGANGGARAN KOS MASA INSTRUKSIONAL YANG HILANG AKIBAT
KETIDAKBERADAAN GURU DALAM BILIK DARJAH DI DAERAH
MUALLIM, PERAK**

SITI ANIS BINTI ABDUL RAHMAN



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (EKONOMI)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019





ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk menganggarkan kos masa instruksional yang hilang akibat daripada ketidakberadaan guru dalam bilik darjah. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan. Sampel kajian terdiri daripada 313 orang guru sekolah rendah dan menengah di daerah Muallim, Perak. Penganggaran kos masa instruksional yang hilang menggunakan Model Modal Insan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebab utama guru tiada di dalam bilik darjah kerana urusan rasmi dengan kekerapan ketiadaan yang paling tinggi ialah pada hari Jumaat. Jumlah purata seorang guru tiada dalam bilik darjah ialah sebanyak 25 hari setahun. Manakala purata kadar upah mengajar per waktu bagi seorang guru ialah sebanyak RM74.20. Jumlah kerugian masa instruksional akibat ketiadaan seorang guru dalam bilik darjah bagi tempoh setahun adalah sebanyak RM5,636.42. Keseluruhan anggaran kos masa instruksional yang hilang ialah RM1,764,201.54, iaitu RM911,285.60 bagi sekolah rendah dan RM852,915.94 bagi sekolah menengah. Jumlah kerugian ini melebihi jumlah gaji keseluruhan guru setahun iaitu sebanyak RM324,218.22. Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan ketidakberadaan guru dalam bilik darjah bukan sahaja merugikan murid tetapi akan memberikan kerugian juga kepada kerajaan kerana setiap ringgit yang diperuntukkan dalam pendidikan tidak dimanfaatkan sepenuhnya. Implikasi kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan pembantu guru adalah satu pilihan yang baik bagi mengurangkan kerugian akibat kehilangan masa instruksional. Pelaksanaan program Melindungi Masa Instruksional yang lebih efisien juga dapat mengurangkan masalah ketiadaan guru dalam bilik darjah dan seterusnya dapat meningkatkan hasil pembelajaran murid dalam bilik darjah.





ESTIMATION THE INSTRUCTIONAL TIME COST THAT LOST DUE TO TEACHER'S ABSENCE FROM CLASSROOMS IN MUALLIM DISTRICT, PERAK

ABSTRACT

The purpose of this study is to estimate the loss of instructional time lost due to the teacher's absenteeism from the classroom. This study used a quantitative research approach and survey design. The sample for this study consisted of 313 teachers primary and secondary school in the Muallim District of Perak. Human Capital Model is used as a basis in estimating the instructional time cost that has a loss. The findings show that the main reason for teachers' absence in the classrooms is due to formal affairs with the highest frequency absence is on Fridays. The number of days teachers were absent from the school is 25 days per year. Meanwhile, the average rate of wages for one teaching slot for a teacher is RM 74.20. The average amount of instructional time lost due to the absence of a teacher in the classroom for a year is RM5,636.42. The overall estimated cost of instructional time lost was RM1,764,201.54, which is RM911,285.60 for primary schools and RM852,915.94 for secondary schools. The amount of these losses exceeds teacher's salaries per year that is RM324,218.22. In conclusion, the findings show that the absence of teachers in the classroom will not only adverse the students but will also give a loss to the government as every money allocation to education is not fully utilized. The implication of this study shows that the recruitment of teacher's assistant is one of the options to decrease the loss of instructional time. Implementation of Protecting Instructional Time program, which is more efficient can address the problem of the absence of teachers in the classroom and consequently improve the learning outcomes of students in the classes.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	x
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Soalan Kajian	12
1.6 Hipotesis Kajian	12
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	13
1.7.1 Model Sistem Belanjawan	13
1.7.2 Model Ralph Tyler	15

1.7.3 Model IPOO	17
1.8 Definisi Operasional	18
1.8.1 Ketidakberadaan	18
1.8.2 Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)	19
1.8.3 Upah	19
1.8.4 Kos Lepas	20
1.8.5 Produktiviti	20
1.8.6 Kemenjadian Murid	21
1.8.7 Kehilangan masa instruksional	21
1.8.8 Kerugian Output	21
1.8.9 Cuti Sakit	22
1.8.10 Cuti Tanpa Rekod	23
1.8.11 Cuti Rehat Khas	23
1.9 Kepentingan Kajian	23
1.10 Batasan Kajian	25
1.11 Penutup	27

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	29
2.2 Kerangka Teori	30
2.3 Konsep Ketidakberadaan Guru	34
2.3.1 Faktor Ketidakberadaan Guru	37
2.3.2 Guru Ganti	43
2.3.3 Kesan Ketidakberadaan Guru	46
2.3.4 Kos Ketidakberadaan Guru	48

2.4 Kerangka Konsep Melindungi Masa Instruksional (MMI)	50
2.5 Model Modal Insan	54
2.6 Kajian Lepas Mengenai Ketidakberadaan Guru	58
2.7 Rumusan	61

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	62
3.2 Reka Bentuk Kajian	62
3.2.1 Populasi dan Sampel Kajian	63
3.2.2 Instrumentasi	66
3.3 Analisis Data	68
3.3.1 Model Penganggaran	70
3.4 Kajian Rintis	76
3.5 Prosedur Pengumpulan Data	77
3.6 Rumusan	78

BAB 4 DAPATAN

4.1 Pengenalan	79
4.2 Dapatan Kajian	80
4.2.1 Deskriptif Statistik	80
4.2.2 Sebab Ketidakberadaan Guru Dalam Bilik Darjah	84
4.3 Ujian Normaliti	86
4.3.1 Histogram	87
4.3.2 <i>Boxplot</i>	88
4.3.3 <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i>	89
4.3.4 Analisis Inferens	90
4.3.4.1 Perbezaan ketidakberadaan guru dalam bilik	90

darjah berdasarkan faktor demografi

4.3.5 Analisis Kadar Upah Per Waktu 100

4.3.6 Analisis Kos Output 102

4.4 Ringkasan Dapatan Kajian 105

4.5 Rumusan 106

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan 107

5.2 Ketidakterdapat Guru 108

5.2.1 Sebab Ketidakterdapat Guru Dalam Bilik Darjah 108

5.2.2 Trend Hari dan Bulan ketidakterdapat Guru Dalam Bilik Darjah. 111

5.2.3 Ketidakterdapat Guru Dalam Bilik Darjah Berdasarkan Faktor Demografi 112

5.2.4 Kadar Upah Per Waktu dan Kos Output yang hilang kesan ketidakterdapat guru dalam bilik darjah 116

5.3 Implikasi Kajian 118

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan 120

5.5 Kesimpulan 122

RUJUKAN 123

LAMPIRAN 136

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Kajian Eksperimental Menangani Beban Tugas Perkeranian Guru	38
2.2 Kerangka Kepimpinan Instruksional	53
3.1 Bilangan Soalan Bagi Setiap Bahagian	66
3.2 Ujian Statistik Yang Digunakan	70
4.1 Analisis Demografi Guru	80
4.2 Analisis Trend Ketidakberadaan Guru	83
4.3 Analisis Sebab Ketidakberadaan Guru dalam bilik darjah bagi tahun 2017	84
4.4 Keputusan Ujian <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i>	89
4.5 Analisis Ujian-T Tidak Bersandar Bagi Jumlah Hari Ketidakberadaan Guru Dalam Bilik Darjah Mengikut Sekolah	90
4.6 Analisis Ujian-T Tidak Bersandar Bagi Jumlah Hari Ketidakberadaan Guru Dalam Bilik Darjah Mengikut Jantina	91
4.7 Analisis Ujian Varian Satu Hala (ANOVA) Bagi Jumlah Hari Ketidakberadaan Guru Dalam Bilik Darjah Mengikut Umur	92
4.8 Analisis Ujian Varian Satu Hala (ANOVA) Bagi Jumlah Hari Ketidakberadaan Guru Dalam Bilik Darjah Mengikut Pengalaman Guru	93
4.9 Analisis Ujian Varian Satu Hala (ANOVA) Bagi Jumlah Hari Ketidakberadaan Guru Dalam Bilik Darjah Mengikut Gred Gaji	94
4.10 Analisis <i>Post Hoc LSD ANOVA</i> Bagi Ketidakberadaan Guru Dalam Bilik Darjah Berdasarkan Kumpulan Gred Gaji	95



4.11 Analisis Ujian Varian Satu Hala (ANOVA) bagi jumlah hari ketidakberadaan guru dalam bilik darjah mengikut jawatan guru	96
4.12 Analisis <i>Post Hoc LSD ANOVA</i> bagi ketidakberadaan guru dalam bilik darjah berdasarkan kumpulan jawatan	98
4.13 Analisis Purata Kadar Upah Per Waktu Dan Purata Jumlah Kerugian Setahun	101
4.14 Analisis Kerugian Kesan Ketidakberadaan Guru Dalam Bilik Darjah	104
4.15 Ringkasan Analisis Inferens Kajian	105



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Model Sistem Belanjawan (<i>Model Budgeting System-MBS</i>)	14
1.2 Model Ralph Tyler	15
1.3 Model IPOO	17
2.1 Kerangka Teori Sistem Pendidikan	30
2.2 Melindungi Masa Instruksional (MMI)	51
2.3 Kaedah Penilaian Bagi Kos Kemalangan Lalu Lintas	55
2.4 Kos Kemalangan Jalan Raya	56
2.5 Komponen Kos Kemalangan	57
3.1 Prosedur Pengumpulan Data	78
4.1 Histogram	87
4.2 <i>Boxplot</i> bagi ketidakberadaan guru	88



SENARAI SINGKATAN

KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MMI	Melindungi Masa Instruksional
<i>OECD</i>	<i>Organization for Economic Cooperation and Development</i>
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
<i>UNESCO</i>	<i>United Nations Educational, Scientific, and Cultural Organization</i>
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris





SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik
- B Bilangan waktu mengajar
- C Ujian normaliti
- D Dapatan demografi responden
- E Analisis ujian-t tidak bersandar
- F Analisis Varian Satu Hala (Anova)





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Penyelidikan ini fokus kepada isu ketidakberadaan guru dalam bilik darjah yang memberi kesan terhadap kewangan kerajaan. Ketidakberadaan guru bermakna murid tidak mendapat pembelajaran yang berkualiti dan berlaku pembaziran masa. Dalam konteks ekonomi, fenomena ini dianggap sebagai ketidakcekapan penggunaan input atau sumber dalam ekonomi dan sebahagian daripada produktiviti akan hilang. Dalam pendidikan, ketidakcekapan penggunaan sumber (guru sebagai input pendidikan) akan merugikan murid dalam bentuk ilmu. Selain itu, ketidakcekapan ini juga memberi kerugian kepada kerajaan. Kerugian ini boleh dikira melalui Model Modal Insan yang menjadi fokus kepada kajian ini. Dalam bab pertama ini, kajian membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah dan seterusnya objektif kajian yang hendak dicapai dalam penyelidikan ini.





1.2 Latar Belakang Kajian

Pembangunan sumber ekonomi di sesebuah negara berkait rapat dengan pembangunan modal insan. Perbelanjaan pendidikan di sesebuah negara sangat penting dalam meningkatkan pembangunan modal insan khususnya di negara sedang membangun. Perbelanjaan pendidikan di negara-negara membangun mengalami pertambahan tiga kali ganda sejak 50 tahun lepas dan peningkatan perbelanjaan ini lebih banyak berbanding negara-negara *Organization for Economic Cooperation and Development* (OECD) pada tahun 1960an (Stefan, 2017).

Laporan daripada *United Nations Educational, Scientific, and Cultural Organization* (UNESCO) menunjukkan trend pelaburan pendidikan pada tahun 2015 di negara maju seperti New Zealand mencatat sebanyak 6.4% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), Republik Korea sebanyak 5.1% dan United Kingdom pula sebanyak 5.7%. Manakala bagi negara membangun seperti Malaysia mencatat perbelanjaan pendidikan adalah sebanyak 5% daripada KDNK (*World Bank*, 2018). Peratusan ini menunjukkan perbelanjaan pendidikan yang diperuntukkan oleh kerajaan di negara ini setanding atau sama dengan pembiayaan pendidikan di negara-negara maju. Dapat dilihat di sini bahawa kerajaan Malaysia telah memperuntukkan sejumlah wang yang semakin meningkatkan dalam mencapai keberhasilan murid yang dihasratkan daripada segi akses, ekuiti dan kualiti menerusi sistem pendidikan negara.





Komitmen kerajaan dalam menyalurkan sumber kewangan yang besar ke arah membangunkan sistem pendidikan ini dapat dilihat seawal tahun 1990an. Perbelanjaan kerajaan dalam peratusan KDNK untuk pendidikan rendah dan menengah pada awal tahun tersebut dilaporkan yang tertinggi di Asia Timur (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2012). Manakala pada tahun 2011 pula mencatat peratusan KDNK bagi perbelanjaan pendidikan Malaysia sebanyak 3.8% iaitu lebih tinggi berbanding purata negara-negara OECD yang hanya 3.4%.

Dalam meningkatkan kualiti sistem pendidikan negara, kementerian telah menghasilkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. PPPM 2013-2025 diwujudkan sebagai garis panduan dan hala tuju sistem pendidikan negara dalam meningkatkan pembelajaran murid serta memberi penekanan terhadap keupayaan guru dan pemimpin sekolah. Terdapat lima aspirasi utama yang ingin dicapai menerusi PPPM 2013-2025 iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan.

Pertama, adalah akses yang merujuk kepada setiap kanak-kanak di negara ini berhak mendapat akses yang sama kepada pendidikan yang berkualiti bagi mencapai potensi masing-masing. Kedua, kualiti iaitu memastikan semua murid berpeluang memperoleh pendidikan yang berkualiti menerusi sistem pendidikan Malaysia yang setaraf dengan sistem pendidikan berprestasi tinggi yang meletakkan Malaysia dalam kelompok satu pertiga teratas dalam penaksiran antarabangsa mengikut pengukuran TIMSS dan PISA dalam tempoh 15 tahun akan datang.





Ketiga, ekuiti yang bertujuan mengurangkan jurang pencapaian murid sebanyak 50% di antara murid bandar dengan luar bandar, sosioekonomi serta gender menjelang tahun 2020. Keempat, perpaduan iaitu sistem pendidikan yang menawarkan perkongsian pengalaman dan nilai kepada kanak-kanak dengan menghargai kepelbagaian dari segi agama dan budaya.

Terakhir, kecekapan di mana sistem yang memaksimumkan keberhasilan murid mengikut peruntukkan sedia ada. Dapat dilihat di sini bahawa, salah satu aspirasi sistem pendidikan yang telah diperkenalkan menerusi PPPM (2013-2025) adalah pelaksanaan kecekapan tinggi, di mana memaksimumkan pulangan (keberhasilan murid) untuk setiap ringgit yang dibelanjakan (KPM, 2012). Pelaburan pendidikan ini seharusnya mendapat pulangan (output) seiring dengan input perbelanjaan pendidikan yang telah diperuntukkan.

Pelaburan yang melibatkan produk dapat dilihat hasil output melalui kuantiti barangan yang dihasilkan. Tetapi dalam pendidikan pulangan output adalah sangat sukar untuk diukur kerana melibatkan perkhidmatan dan mempunyai ciri-ciri tidak ketara (Lupo, 2013). Stefan (2017) berpendapat hubungan di antara input dan output dalam pendidikan adalah lemah maka disebabkan kos tersebut perlu ukur dengan tepat. Namun begitu, Eric dan Elizabeth (2017) pula berpendapat bahawa kos output pendidikan perlu diukur untuk menganalisis produktiviti pendidikan.

Menurut Shaw dan Newton (2014), di bidang pendidikan guru memainkan peranan penting dalam menghasilkan pulangan (output). Guru perlu berada di dalam bilik darjah bagi memastikan kelangsungan Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)





dan juga meningkatkan masa pembelajaran berkesan. Sehubungan itu, guru perlu berada di dalam bilik darjah (bagi konvensional) setiap masa yang diperuntukkan. Keberadaan guru di dalam bilik darjah sangat mempengaruhi pencapaian murid. Di samping itu, guru juga perlu memberikan komitmen dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberi (Buletin Anjakan, 2015).

Isu ketidakberadaan guru dalam bilik darjah bukan satu isu yang baru. Menurut laporan *American Samoa Department of Education* (ASDOE, 2012), setiap guru mengambil cuti selama 36 hari sepanjang sesi persekolahan pada tahun 2012, berbanding tahun sebelumnya iaitu tahun 2010 hingga 2011 di mana guru hanya mengambil cuti tidak melebihi 15 hari sepanjang tahun persekolahan. Ketidakberadaan guru ini memberi kesan kepada murid, ibu bapa, komuniti dan juga



Selain itu perubahan dasar kerajaan seperti perubahan tempoh cuti bersalin dan Cuti Rehat Khas juga menyumbang kepada ketidakberadaan guru di dalam bilik darjah. Berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5/2017, tempoh cuti bersalin telah dipanjangkan iaitu dari 60 hari kepada 90 hari bagi setiap kelahiran. Manakala Cuti Rehat Khas juga telah dipanjangkan dari tujuh hari setahun kepada 10 hari setahun (Pekeliling Perkhidmatan Bil.8/2017). Perubahan tempoh cuti ini secara tidak langsung meningkatkan jumlah ketidakberadaan guru di sekolah. Menurut Rosnanaini (2013), ketidakberadaan guru didalam bilik darjah akan memberi impak negatif kepada PdPc.





Keupayaan guru (input) akan berkurangan sekiranya guru tersebut tidak dapat berada di dalam bilik darjah mengikut masa yang telah ditetapkan dan berlaku kehilangan dalam keberhasilan murid (output potensi). Stoica dan Wamsiedel (2012) mendapati ketidakberadaan ini memberi impak yang negatif terhadap pandangan murid dan komuniti serta mengurangkan motivasi murid untuk melibatkan diri dalam aktiviti sekolah. Ketidakberadaan guru juga secara langsung menjejaskan proses pembelajaran dan seterusnya menyumbang kepada kehilangan output potensi (*National Council on Teacher Quality*, 2014).

Menurut Gettinger dan Seibert (1995), terdapat empat faktor yang menyumbang kepada pencapaian pembelajaran murid. Empat faktor tersebut adalah masa yang diperuntukkan, masa sebenar yang digunakan untuk pengajaran, masa keterlibatan murid dan keberkesanan pembelajaran. Keempat-empat faktor ini perlu dikawal oleh guru dan pentadbir sekolah untuk memastikan masa instruksional berjalan dengan lancar dan digunakan secara optimum.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melaksanakan amalan Melindungi Masa Instruksional (MMI) untuk mengatasi masalah ketidakberadaan guru dalam bilik darjah. MMI telah dibangunkan bertujuan untuk memberi penekanan kepada pihak pengurusan sekolah tentang keberadaan guru di sekolah dan di dalam bilik darjah serta meningkatkan kualiti kemahiran pengajaran guru melalui kepimpinan instruksional (KPM, 2013). Melalui pendekatan ini juga, guru perlu memastikan setiap murid peroleh keberhasilan yang membanggakan hasil daripada proses PdPc (Emiza, 2017).





Walau bagaimanapun, pelaksanaan MMI tidak akan berjaya sekiranya guru tidak dapat berada di dalam bilik darjah kerana menghadiri mesyuarat, kursus atau taklimat di Jabatan Pendidikan, Pejabat Pendidikan Daerah dan Kementerian Pendidikan Malaysia (Rosnanaini, 2013). Terdapat juga faktor lain mendorong ketidakberadaan guru di dalam bilik darjah antaranya, guru mengiringi murid bagi pertandingan sukan, guru mengambil cuti bersalin, menunaikan haji, mengambil cuti rehat khas atau cuti sakit yang berpanjangan (Emiza, 2017).

Menyedari permasalahan ini, pihak sekolah menyediakan guru ganti bagi mengatasi masalah ketidakberadaan guru di dalam bilik darjah. Namun begitu, keberadaan guru ganti di dalam bilik darjah boleh menyebabkan murid merasa terganggu (Heitin, 2012). Menurut Zakaria (2013), terdapat beberapa isu utama yang berlaku dalam memenuhi pelaksanaan amalan MMI, antaranya guru ganti lewat masuk ke bilik darjah daripada masa yang telah ditetapkan, tiada pengisian atau bahan kerja murid sewaktu masuk ke bilik darjah dan guru ganti hanya masuk ke bilik darjah untuk memastikan murid terkawal dan murid membuat tugas sendiri tanpa perancangan PdPc yang berkesan.

Sektor Operasi Pendidikan (SOP) di bawah KPM memainkan peranan penting dalam melaksanakan MMI. Kesedaran di semua peringkat termasuk Jabatan Pendidikan Negara (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan pihak sekolah penting dalam memastikan pengurusan masa secara optimum dan berkualiti dilaksanakan (KPM, 2013). Keberhasilan murid juga dapat ditingkatkan melalui proses PdPc berkualiti yang diperoleh melalui guru mata pelajaran mahupun guru





ganti. Namun, MMI ini hanya mengambil kira bilangan guru yang tidak hadir dan pengisian yang perlu dijalankan bagi menggantikan guru yang tidak hadir.

MMI yang dilaksanakan hanya tertumpu pada Laporan MMI yang merekodkan bilangan kehadiran guru, Laporan Pelaksanaan Pelan Tindakan MMI serta Laporan Keberadaan Guru di dalam bilik darjah (KPM, 2013). Laporan-laporan ini tidak mengambil kira kos atau anggaran kerugian (kos output yang hilang) yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan kesan ketidakberadaan guru dalam kelas.

Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil.40/ 2013, menetapkan bayaran gaji pegawai perkhidmatan pendidikan adalah mengikut gred jawatan (Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, 2013). Pembayaran gaji ini tidak mengambil kira masa sebenar guru tersebut mengajar di dalam bilik darjah. Di dalam pembangunan ekonomi, perkara ini menunjukkan satu kerugian kepada kerajaan kerana bayaran upah yang diberi tidak membawa pulangan output potensi yang diharapkan. Justeru itu, satu kajian telah dijalankan untuk menganggarkan kos kerugian (kos output) yang ditanggung oleh kerajaan kesan ketidakberadaan guru dalam bilik darjah.

1.3 Pernyataan Masalah

Dalam arus pembangunan negara yang pesat, peranan serta tanggungjawab guru semakin berat dan mencabar. Para guru telah diberikan amanah untuk mendidik serta melahirkan generasi yang seimbang dan harmonis seiring dengan matlamat negara. Maka, komitmen guru sangat penting dalam memastikan amanah serta tanggungjawab





yang diberi dapat dijalankan dengan sepenuhnya. Namun begitu, isu ketidakberadaan guru di dalam bilik darjah boleh menjejaskan keberhasilan pembelajaran murid di dalam bilik darjah serta memberi kerugian kepada kerajaan.

Berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil 2/1981: ketetapan masa di sekolah-sekolah, menjelaskan bahawa seorang guru perlu menepati masa dalam menjalankan tanggungjawabnya di sekolah. SPI Bil 2/81 menjelaskan tentang ketetapan masa seorang guru perlu mengikut jadual pengajarannya dan tidak boleh meninggalkan bilik darjah atau kawasan sekolah sebelum masa. Perkara ini seiring dengan Perkara 11, Peraturan-peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 yang menegaskan tentang kewajipan seorang guru untuk mengajar mengikut jadual waktu yang ditetapkan.



Namun begitu, isu ketidakberadaan guru sering juga berlaku di sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Hasil tinjauan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) di seluruh negara dari Mac hingga Oktober 2012, mendapati seramai 4486 guru tidak hadir ke sekolah sementara seramai 634 guru tidak berada di dalam bilik darjah untuk PdPc dalam tempoh lapan bulan tahun 2012 iaitu pada hari pemeriksaan dijalankan (KPM, 2013).

Manakala hasil tinjauan di 11 buah Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah daerah Langkawi yang melibatkan 625 guru mendapati, bilangan guru yang tidak berada di dalam bilik darjah semasa PdPc adalah tinggi. Dalam tinjauan yang dilaksanakan pada bulan Jun hingga Oktober 2011, mendapati jumlah ketidakhadiran guru adalah sebanyak 6531 hari bagi tempoh lima bulan tersebut. Jika dikira secara





purata dalam tempoh lima bulan tersebut jumlah hari setiap guru tidak hadir ke sekolah sebanyak 10.45 hari. Manakala jika diandaikan seorang guru menerima upah sebanyak RM150 sehari, maka jumlah anggaran kos kerugian yang dialami bagi adalah sebanyak RM 979,650.

Kajian menunjukkan salah satu punca ketidakberadaan guru dalam bilik darjah kerana guru terpaksa menghadiri mesyuarat atau seminar. Contohnya, Radziah dan Nasri (2013) mendapati bahawa kekerapan seorang guru menghadiri mesyuarat atau kursus adalah sebanyak tujuh hingga 10 kali dalam setahun. Terdapat juga guru keluar sekolah selama empat minggu dalam setahun atas urusan rasmi.

Hasil analisis mendapati sekiranya seorang guru tidak berada di dalam bilik darjah selama lima kali setahun atas sebab urusan rasmi, guru tersebut dianggarkan telah mengambil masa selama dua hingga tiga hari untuk menghadiri mesyuarat tersebut. Hal ini menyebabkan guru tersebut tidak dapat melaksanakan PdPc mereka sekurang kurangnya empat ke enam kelas pengajarannya dalam seminggu. Jika sesi pembelajaran satu mata pelajaran mengambil masa 40 minit, maka ketidakberadaan guru di dalam bilik darjah dianggarkan selama lebih kurang 160 minit hingga 240 minit dalam seminggu.

Ketidakberadaan guru di dalam bilik darjah ini akan memberi kerugian yang besar kepada kerajaan. Hal ini demikian kerana kerajaan membayar gaji guru mengikut gred kelayakan guru dan bukan berdasarkan masa mengajar guru tersebut. Manakala dari segi ekonomi negara pula, perbelanjaan pengurusan yang diberikan tidak memberi pulangan setimbang kerana guru tidak melaksanakan tugasnya dengan



baik. Hal ini menunjukkan ketidakberadaan guru di dalam bilik darjah juga bukan sahaja boleh merugikan murid, malahan juga boleh merugikan kerajaan (Philip, 2013; Raegan, 2012)

Selain itu, ketidakberadaan guru di dalam bilik darjah juga memberi implikasi negatif kepada murid dan boleh membawa kepada kerugian kerana melibatkan kos- kos penggajian guru. Maka, jelas menunjukkan bahawa ketidakberadaan guru di dalam bilik darjah boleh menyebabkan negara mengalami kerugian kerana setiap ringgit yang diperuntukkan dalam pendidikan tidak dimanfaatkan sepenuhnya.

Justeru itu, satu kajian dijalankan untuk menganalisis dan menganggarkan kos masa instruksional (kos output yang hilang) yang dihadapi oleh kerajaan. Isu ketidakberadaan guru ini perlu ditangani agar tidak memberi kesan yang negatif yang berterusan kepada murid dan pihak kerajaan. Pihak sekolah dan kementerian perlu memainkan peranan masing-masing sewajarnya dalam mengatasi masalah ini.

1.4 Objektif Kajian

- i. Menenal pasti sebab ketidakberadaan guru dalam bilik darjah.
- ii. Menenal pasti trend hari dan bulan ketidakberadaan guru dalam bilik darjah.
- iii. Menenal pasti perbezaan ketidakberadaan guru dalam bilik darjah berdasarkan faktor demografi (sekolah, jantina, umur, pengalaman, gred gaji dan jawatan dalam konteks waktu).
- iv. Menganggarkan kadar upah per waktu mengajar bagi seorang guru.



- v. Menganggarkan kos output yang hilang akibat ketidakberadaan guru dalam bilik darjah.

1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian di atas, persoalan kajian adalah:

- i. Apakah sebab ketidakberadaan guru dalam bilik darjah?
- ii. Hari dan bulan apakah guru kerap tiada dalam bilik darjah?
- iii. Adakah terdapat perbezaan ketidakberadaan guru dalam bilik darjah berdasarkan faktor demografi (sekolah, jantina, umur, pengalaman, gred gaji dan jawatan dalam konteks waktu)?
- iv. Berapakah kadar upah per waktu mengajar bagi seorang guru?
- v. Berapakah jumlah anggaran kos output yang hilang akibat ketidakberadaan guru dalam bilik darjah?

1.6 Hipotesis Kajian

- i. H_{a1} : Terdapat perbezaan yang signifikan jumlah masa ketidakberadaan guru dalam bilik darjah mengikut sekolah.
- ii. H_{a2} : Terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina guru dengan ketidakberadaan guru dalam bilik darjah.
- iii. H_{a3} : Terdapat perbezaan yang signifikan antara umur guru dengan ketidakberadaan guru dalam bilik darjah.




- iv. H_{a4} : Terdapat perbezaan yang signifikan antara pengalaman guru dengan ketidakberadaan guru dalam bilik darjah.
- v. H_{a5} : Terdapat perbezaan yang signifikan antara gred gaji guru dengan ketidakberadaan guru dalam bilik darjah.
- vi. H_{a6} : Terdapat perbezaan yang signifikan antara jawatan guru dengan ketidakberadaan guru dalam bilik darjah.

1.7 Kerangka Konseptual

Kerangka kajian dibina untuk melihat gambaran keseluruhan kajian yang akan dijalankan dan digunakan sebagai satu pandu arah dalam membantu penyelidik membuat kajian dengan sempurna. Kerangka konseptual adalah satu gambar rajah grafik yang dilukis bagi menggambarkan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam kajian (Ghazali dan Sufean, 2016). Di dalam kajian ini, terdapat beberapa kerangka konseptual yang dijadikan sebagai satu diagram yang menggambarkan hubungan idea komponen-komponen dalam kajian.

1.7.1 Model Sistem Belanjawan (*Model Budgeting System-MBS*)

Model Sistem Belanjawan yang dikenali juga sebagai “*causal modelling*”. Model ini sering digunakan oleh Kementerian Kerajaan sebagai kerangka konsep untuk peruntukkan perbelanjaan dan pendapatan kerajaan. Rajah 1.1 menunjukkan Model Sistem Belanjawan.



Rajah 1.1. Model Sistem Belanjawan (*Model Budgeting System-MBS*). Diadaptasi dari Ghazali dan Sufean, 2016

Terdapat empat dimensi asas dalam model ini iaitu kecekapan, kesesuaian, keberkesanan dan ekonomi. Kecekapan di dalam dimensi pertama bermaksud kecekapan dalam pengurusan sumber pengeluaran untuk menghasilkan pengeluaran pada tingkat kos purata yang minimum. Terdapat empat komponen di dalam aspek kecekapan iaitu kecekapan masa, kecekapan pengurusan sumber manusia, kecekapan aktiviti dan kecekapan implementasi. Kesesuaian pula bertujuan untuk melihat kesesuaian program dari pelbagai sudut di dalam sesebuah program. Tiga komponen dalam aspek kesesuaian iaitu kesesuaian situasi, masa dan sumber.


Seterusnya, dimensi ke tiga keberkesanan yang merujuk kepada hasil yang diperoleh melalui program yang telah diperuntukkan dan dijalankan. Terdapat empat komponen keberkesanan iaitu keberkesanan pencapaian objektif atau matlamat program, keberkesanan hasil, keberkesanan output dan keberkesanan saiz (pencapaian).

Dimensi yang terakhir adalah ekonomi pula melihat kos yang diperuntukkan dalam sesuatu program digunakan secara optimum atau tidak. Terdapat dua komponen dalam aspek ini iaitu mengelakkan pembaziran dan penjimatan kos dan sumber.

1.7.2 Model Ralph Tyler

Model Ralph Tyler yang merupakan sebuah model penilaian yang membuat berbandingan antara hasil yang dikehendaki dengan hasil sebenar yang diperoleh. Model ini juga menumpu kepada tingkah laku dalam mencapai objektif atau matlamat serta mengukur hasil pembelajaran daripada input pengajaran yang disediakan. Rajah

1.2 menunjukkan Model Ralph Tyler.



Rajah 1.2 . Model Ralph Tyler. Diadaptasi daripada Ghazali dan Sufean, 2016




Terdapat empat langkah dalam melaksanakan model ini. Langkah pertama adalah menentukan matlamat atau objektif yang hendak dicapai dalam sesuatu program. Langkah kedua, mengenal pasti pencapaian matlamat dan kaedah untuk mengukur pencapaian tersebut. Langkah ketiga adalah melakukan berbanding hasil yang diperoleh dengan matlamat program tersebut. Langkah terakhir, membuat keputusan terhadap tahap pencapaian yang diperoleh.

Model Tyler ini sangat berkait dengan objektif keempat dalam kajian ini iaitu menganggarkan kos output yang hilang kesan ketidakberadaan guru dalam bilik darjah. Untuk mencapai objektif pembelajaran Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menyediakan sukatan pelajaran. Sukatan pelajaran berfungsi sebagai panduan kepada guru dalam PdPc (KPM, 2010). Ketidakberadaan guru dalam bilik darjah akan menyebabkan hasil pembelajaran tidak dapat dicapai. Perkara ini menyebabkan berlaku kehilangan output di mana output yang dijangka tidak sama dengan output yang diperoleh.

1.7.3 Model IPOO

Model IPOO telah diperkenalkan oleh Bushnel yang bertujuan untuk membuat penilaian program pendidikan atau latihan (Ghazali & Sufean, 2016). Model ini mempunyai empat komponen iaitu input, proses, output, dan *outcome* seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.3.





Rajah 1. 3. Model IPOO. Didaptasi daripada Bushnel, 1990.

Komponen input digunakan untuk menilai sumber atau bahan, tahap pencapaian, kelayakan serta kesempurnaan program yang dirancang. Komponen proses pula bertujuan untuk menilai perancangan, pembangunan, reka bentuk program serta kaedah penyampaian. Manakala komponen output pula untuk mengumpulkan data bagi melihat reaksi, kemahiran, tahap pengetahuan dan pencapaian keseluruhan pelajar. Komponen terakhir iaitu *outcome* bertujuan untuk melihat hasil jangka panjang, kepuasan pelanggan, persaingan dan keuntungan program tersebut.



1.8 Definisi Operasional

Definisi operasi merujuk kepada definisi bagi setiap pemboleh ubah dalam kajian. Dalam kajian ini terdapat beberapa istilah atau perkataan sering digunakan yang diterangkan melalui definisi operasional. Definisi operasional ini berfungsi memberi penerangan maksud istilah atau perkataan tersebut dalam skop kajian ini.

1.8.1 Ketidakberadaan

Menurut Ivatts (2013), ketidakberadaan bermaksud kegagalan seseorang untuk bekerja atau melaporkan diri dalam masa tempoh yang telah ditetapkan. Selain itu, menurut Dana (2014), ketidakberadaan guru bermaksud guru tidak berada dalam bilik darjah disebabkan cuti yang telah diluluskan atau mempunyai urusan rasmi yang perlu dihadiri.

Carter (2010) menyatakan ketidakberadaan guru berlaku di mana proses pembelajaran tidak dapat berlangsung kerana guru tidak berada dalam bilik darjah pada hari dan masa yang telah ditetapkan. Ketidakberadaan guru dalam kajian ini pula merujuk kepada kegagalan guru mata pelajaran untuk berada dalam bilik darjah mengikut jadual yang telah ditetapkan.





1.8.2 Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)

Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) adalah kaedah pembelajaran yang lebih kreatif dan dinamik dengan kandungan pembelajaran yang relevan dan sesuai dengan perkembangan semasa. Pelaksanaan PdPc yang berkualiti serta berkesan merupakan agenda utama setiap guru yang mengajar murid dalam bilik darjah. Proses PdPc juga dikenali sebagai masa instruksional yang perlu dimanfaatkan sepenuhnya secara optimum.

1.8.3 Upah



Upah ialah wang atau sebagainya yang diberikan kepada seseorang sebagai ganjaran atas tugas atau kerja yang dilakukan. Dalam sektor pendidikan, upah atau gaji guru akan diberi oleh kerajaan mengikut skop tugas atau jawatan. Penerimaan upah bagi setiap guru berbeza mengikut gred dan kategori di bawah pekeliling iaitu Peraturan 42, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 [P.U.(A) 176/2005], perenggan 71, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991 dan surat Jabatan Perkhidmatan Awam bil. JPA(S)81/16/3-1/Klt.2/(17) bertarikh 7 Januari 1994.





1.8.4 Kos lepas

Menurut Polley (2015), kos lepas merujuk kepada alternatif atau nilai kedua yang terbaik yang terpaksa dilepaskan. Dalam kajian ini, konsep kos lepas yang ketengahkan adalah merujuk kepada kos kerugian kesan ketidakberadaan guru di dalam bilik darjah. Mengajar merupakan tugas utama seorang guru, namun apabila guru tersebut tidak dapat mengajar kerana perlu menghadiri seminar atau mesyuarat maka mengajar telah menjadi pilihan kedua. Maka, kos lepas di sini adalah mengajar. Kajian ini telah menggunakan Model Modal Insan untuk mengira kos lepas.

1.8.5 Produktiviti



Produktiviti merujuk kepada “daya pengeluaran”. Dalam kajian ini, produktiviti guru adalah kemampuan guru dalam melaksanakan tugas atau tanggungjawab yang diberi. Menurut Nawawi, Fakhrul dan Husna (2015), peningkatan produktiviti guru dapat meningkatkan keberkesanan guru tersebut di dalam PdPc dan kepimpinan.

Produktiviti guru ialah pengetahuan yang diperoleh oleh murid. Semakin cekap guru, semakin tinggi ilmu atau pengetahuan murid peroleh dan semakin tinggi produktiviti. Namun, jika guru tiada dalam bilik darjah, proses PdPc tidak dapat dijalankan maka produktiviti pada hari atau masa tersebut ialah kosong. Secara keseluruhan, semakin tinggi ketidakberadaan guru dalam bilik darjah, semakin rendah produktiviti. Proksi produktiviti ialah nilai ringgit yang dikira mengikut upah per waktu yang diperoleh bagi setiap guru.



1.8.6 Kemenjadian murid

Kemenjadian bermaksud proses untuk menghasilkan, mewujudkan dan menciptakan sesuatu yang baru. Menurut Zuraida (2013), kemenjadian murid merujuk kepada perkara yang telah berlaku kepada murid dalam aspek kurikulum, kokurikulum dan sahsiah. Di dalam kajian ini, kemenjadian murid dimaksudkan sebagai pembentukan murid oleh guru dalam aspek kurikulum, kokurikulum dan sahsiah.

1.8.7 Kehilangan masa instruksional (Kos intruksional)

Menurut Toppa (2015), kehilangan masa instruksional merujuk kepada proses PdPc yang tidak dapat dijalankan kerana ketidakberadaan guru di dalam bilik darjah. Kajian ini melihat impak ketidakberadaan guru di dalam bilik darjah yang memberi kesan terhadap proses PdPc yang mengakibatkan objektif pembelajaran tidak tercapai dan berlaku pembaziran masa serta merugikan kerajaan. Kos kerugian ini dikenali sebagai kos intruksional dalam kajian ini.

1.8.8 Kerugian output

Kerugian output merujuk kepada kehilangan produktiviti dan berlaku kerugian ekonomi kerana output yang diperoleh tidak sama dengan output potensi. Kajian ini melihat kehilangan output kesan ketidakberadaan guru di dalam bilik darjah. Guru merupakan input dalam pendidikan dan diberi amanah untuk melaksanakan tugas



utama iaitu mengajar atau menjalankan instruksional mengikut jadual dan tempoh masa yang ditetapkan. Namun ketidakberadaan guru menyebabkan berlaku pengurangan dalam masa instruksional dan keberhasilan murid (output).

1.8.9 Cuti Sakit

Cuti Sakit merujuk mengambil cuti oleh guru kerana masalah kesihatan. Sijil sakit yang dikeluarkan oleh Pegawai Perubatan Berdaftar sahaja akan diterima sama ada dari pegawai perubatan kerajaan mahupun pegawai perubatan swasta. Sijil sakit yang dikeluarkan oleh pegawai perubatan swasta boleh diterima sekiranya jumlah cuti sakit tidak melebihi 15 hari dalam setahun.



Sijil sakit yang dikeluarkan oleh pegawai perubatan swasta yang melebihi 15 hari berturut-turut perlu disahkan oleh pegawai perubatan kerajaan. Jumlah cuti sakit yang dibenarkan bagi seorang guru adalah 90 hari setahun. Jika guru didapati mengambil cuti sakit melebihi 90 hari berturut-turut atau putus-putus, guru tersebut akan dilaporkan kepada Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran (Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2, 2006).





1.8.10 Cuti Tanpa Rekod

Bawah Perintah Am 42(A) Bab C (1974), guru dibenarkan mengambil cuti tanpa rekod sebagai cuti gantian kerana bertugas atau bekerja melebihi masa seperti menghadiri perkhemahan tahunan persatuan, menduduki peperiksaan, menghadiri mesyuarat persatuan ikhtisas, seminar dan aktiviti-aktiviti sukan anjuran pertubuhan atau persatuan berkaitan di Malaysia sahaja (Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9, 1991).

1.8.11 Cuti Rehat Khas

Cuti Rehat Khas merupakan cuti yang dikhaskan kepada pegawai perkhidmatan pendidikan (guru). Cuti ini boleh digunakan oleh pegawai jika terdapat urusan penting atau kecemasan seperti kematian ahli keluarga, menghadiri upacara keagamaan, berlaku kemalangan dan perkahwinan pegawai atau anak pegawai. Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8/2017, tempoh Cuti Rehat Khas ini telah diubah oleh kementerian daripada tujuh hari kepada 10 hari.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini lebih tertumpu kepada pengiraan kos kerugian yang terpaksa di tanggung oleh kerajaan kesan daripada ketidakberadaan guru di dalam bilik darjah. Menurut Harry (2013), isu ketidakberadaan guru di dalam bilik darjah merupakan isu pendidikan global. Beberapa buah negara lain seperti India, Bangladesh, Indonesia,





Uganda dan Equador juga mengalami masalah yang sama. Namun begitu, kajian mengenai kesan ketidakberadaan guru di dalam bilik darjah terhadap perbelanjaan kerajaan di negara ini masih tidak pernah dijalankan. Perkara ini menunjukkan bahawa kajian ini merupakan satu penerokaan baru dalam bidang pendidikan. Signifikan kajian ini dilakukan untuk memberi maklumat dan pendedahan kepada pihak-pihak tertentu tentang kos kerugian yang tidak di hitung sebelum ini.

Selain itu, kajian ini telah menggunakan Model Modal Insan untuk melihat anggaran kos output yang hilang atau kos kerugian yang terpaksa di tanggung oleh kerajaan. Model ini telah diperkenalkan oleh Silcock (2003) sebagai pendekatan untuk menganggarkan kos kerugian kesan kehilangan nyawa, kecederaan atau kehilangan tingkat output potensi (Fahad, Naser & Almutairi, 2015). Penggunaan model ini di dalam pendidikan merupakan satu kaedah yang baru diperkenalkan dalam kajian ini.

Amerika Syarikat menganggap kualiti dan kesediaan guru ganti adalah satu cabaran untuk sekolah. Berdasarkan dapatan literatur mendapati bahawa kualiti pengajaran oleh guru ganti memberi kesan yang negatif selama setahun guru tersebut mengajar (Arlinda, 2017). Menurut *National Education Agency* (2012), impak ketidakberadaan guru di dalam bilik darjah terhadap pencapaian murid dan kualiti guru ganti mendorong penambahbaikan dalam sistem pentadbiran.

Kajian ini dijalankan bagi memberi kesedaran kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) mahupun sekolah untuk menilai semula atau menyusun semula aktiviti sekolah yang melibatkan guru terpaksa





untuk tidak hadir ke sekolah. Hasil dapatan kajian ini dapat memberi gambaran sebenar tentang kerugian yang dialami bukan sahaja kepada murid, bahkan kepada kerajaan juga.

Tambahan lagi, kajian ini dapat memberi gambaran yang jelas serta maklumat tentang faktor utama guru tidak hadir ke sekolah. Melalui hasil dapatan daripada empat buah sekolah menengah ini dapat memberi maklumat tentang faktor utama ketidakberadaan guru di sekolah. Hasil dapatan ini dapat membantu pihak pentadbiran untuk membuat penambahbaikan terhadap sistem pentadbiran dan juga kepada amalan guru.

Diharapkan kajian ini dapat membantu kepada bakal-bakal penyelidik untuk dijadikan sebagai panduan dan menambah lagi kajian literatur terutamanya kepada bakal penyelidik di UPSI. Hal ini demikian kerana kajian seperti ini sangat sedikit dijalankan di Malaysia. Oleh itu, bakal-bakal penyelidik boleh mendapatkan hasil dapatan kajian ini sebagai maklumat dan rujukan untuk kajian mereka kelak.

1.10 Batasan Kajian

Terdapat beberapa batasan dalam kajian ini antaranya dari segi populasi. Di mana dalam kajian ini hanya tertumpu pada populasi guru di sekolah menengah dan rendah di daerah Muallim, Perak sahaja tidak melibatkan populasi guru di negeri lain. Perkara ini boleh menyebabkan dapatan yang bakal diperoleh bias dan tidak dapat membuat perbandingan kos kerugian di antara daerah dan negeri.





Tambahan pula, sekolah-sekolah di daerah tersebut merupakan sekolah berprestasi rendah dan sederhana, perkara ini menyebabkan hasil dapatan yang diperoleh tidak dapat dibandingkan. Hal ini demikian kerana terdapat jurang pendidikan yang luas di antara sekolah berprestasi tinggi dan sekolah berprestasi rendah (*National Center for Education Statistics*, 2013). Justeru itu, bakal penyelidik yang ingin membuat lanjutan kajian ini boleh menjalankan kajian ini di beberapa buah negeri untuk melihat berbanding kos output yang hilang antara setiap negeri. Menurut Ridwan (2012), kedudukan sesebuah sekolah menjadi isu dalam penyediaan kemudahan di sekolah dan juga keberadaan guru di dalam bilik darjah.

Selanjutnya, data kajian yang diperoleh tidak sesuai untuk mengkaji hubungan ketidakberadaan guru dengan pencapaian murid. Menurut Chamundeswari (2013), kepuasan kerja dan ketidakberadaan guru memberi kesan kepada pencapaian murid. Terdapat kajian lepas yang telah menggunakan ketidakberadaan guru sebagai proksi bagi mengukur kepuasan kerja dan pencapaian murid (Yvonne, 2016). Maka, untuk kajian lanjutan bakal penyelidik dicadangkan untuk mengkaji hubungan ketidakberadaan guru dengan prestasi murid.

Selain itu, kajian ini hanya tertumpu pada pengiraan kos output yang hilang kesan ketidakberadaan guru dalam bilik darjah. Maka untuk kajian selanjutnya, bakal penyelidik dicadangkan membuat kajian tentang tingkat ketidakberadaan guru dalam bilik darjah dan kesannya terhadap murid. Walaupun terdapat banyak kajian lepas mengenai hubungan ketidakhadiran guru dengan prestasi murid namun kajian mengenai tingkat ketidakberadaan guru dalam bilik darjah dengan prestasi murid





sangat sedikit di negara ini berbanding negara luar. Sebagai contoh, satu kajian tentang tingkat keberadaan di sekolah rendah dan kesannya terhadap murid telah dijalankan di Indonesia dengan menggunakan *World Bank Model* (Philip, 2013)

Di samping itu, tarif dapatan kajian juga masih mempunyai unsur-unsur yang boleh dipertikaikan. Hal ini demikian kerana penyelidik hanya berfokus kepada faktor guru, masih terdapat banyak faktor input yang boleh dilihat. Menurut Sahney (2002) dalam Sahney dan Thakkar (2016), menyatakan faktor input dalam pendidikan termasuk pelajar, guru, kakitangan pentadbiran, kemudahan fizikal dan infrastruktur. Namun, dalam kajian ini hanya tertumpu kepada guru iaitu melihat dari sudut masa PdPc dijalankan.



Penggunaan model yang digunakan dalam kajian ini turut menjadi batasan dalam kajian ini. Kajian ini telah menggunakan Model Modal Insan untuk mengira anggaran kos output yang hilang. Model ini digunakan sebagai proksi untuk mengira kos kerugian yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan kesan ketidakberadaan guru di dalam bilik darjah.

1.11 Penutup

Kesimpulannya, kajian ini secara umumnya bertujuan untuk melihat kesan ketidakberadaan guru di dalam bilik darjah. Walaupun terdapat banyak literatur kajian berkaitan ketidakberadaan guru, namun kajian ketidakberadaan guru dari sudut ekonomi adalah sangat sedikit. Maka, satu kajian berkaitan kos kerugian output kesan





ketidakberadaan guru di dalam bilik darjah telah dijalankan di daerah Muallim, Perak yang melibatkan sekolah rendah dan menengah. Berdasarkan pernyataan masalah, bab ini telah menerangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan juga definisi operasional. Seterusnya, bab dua akan membincangkan tentang kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan skop kajian.

